

09 JAN 1997

Mahathir-Punk

DR MAHATHIR BIDAS REMAJA AGUNGKAN BUDAYA PUNK

ALOR SETAR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas masyarakat khususnya remaja yang terlalu terikut-ikut dengan budaya asing terutama budaya "punk" yang dikatakan sedang menular ke negara ini.

Beliau berkata beliau hairan kenapa budaya negatif sedemikian menjadi ikutan pada hal ciri-ciri baik yang lain tidak begitu diendahkan.

Beliau bertanya apa gunanya mereka mengikuti budaya "punk" seperti itu yang mempromosikan keganasan dan kelakuan yang tidak sihat.

"Apa cantiknya rambut yang elok diletakkan gam?" tanya beliau lagi ketika berucap kepada pelajar kokurikulum Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok dekat sini hari ini.

Perdana Menteri sedang dalam rangka lawatan sehari ke kawasan Parlimennya, Kubang Pasu dan lawatan ke kampus UUM adalah antara aturcara lawatan sepanjang hari itu.

Dr Mahathir menasihati rakyat khususnya pelajar supaya menanam disiplin tinggi dalam kehidupan harian, termasuk disiplin tinggi dalam mengejar ilmu pelajaran dan kerja.

"Mereka harus berpegang kepada matlamat asal memasuki pusat pengajian tinggi dan tidak mengangap tempoh mereka di universiti semata-mata untuk bersuka ria," katanya.

Beliau berkata melalui disiplin yang kuat barulah seseorang itu dapat mencapai kejayaan dalam setiap usahanya.

Perdana Menteri juga menasihati pelajar dan rakyat amnya supaya meningkatkan kemahiran dalam bidang pengurusan yang amat perlu dalam menentukan Malaysia mencapai matlamat menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Dr Mahathir berkata tahap kemahiran dalam pengurusan yang ada sudah tinggi tetapi masih ada ruang untuk dipertingkatkan.

Katanya, kejayaan yang dicapai negara adalah hasil pengurusan cekap sehingga meletakkan negara ini di antara negara membangun yang paling berjaya.

Perdana Menteri berkata walaupun ada anggapan bahawa kecekapan pengurusan adalah bakat semula jadi, namun beliau berpendapat kemahiran itu dapat diperolehi melalui usaha gigih dan disiplin diri.

Menyedari pentingnya kemahiran pengurusan kepada negara itulah kerajaan menubuhkan UUM yang tujuan utamanya melahirkan rakyat yang berkelulusan dalam bidang pengurusan.

Melalui pengurusan yang cekap, seseorang dapat mengatur hidup dengan sempurna dan dapat pula memberi manfaat kepada masyarakat dan negara, katanya.

Selepas majlis itu, Dr Mahathir menanam sebatang pokok yang diberi nama "merawan siput jantan" atau nama saintifiknya "Hpea odorata". -- BERNAMA

FJ NMO